




**KOLEJ KOMUNITI
PENAMPANG**



Kejayaan Bersama Pembelajaran Sepanjang Hayat



**KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**



**KEJAYAAN BERSAMA PEMEBELAJARAN SEPANJANG HAYAT
KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG EDISI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam buku ini tidak boleh dicetak semula, disalin atau dipindahkan bentuk dengan apa jua cara sekalipun sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada penerbit.

Pengerusi

Noorhasimah binti Kassim, K.B.P.A
Pengarah Kolej Komuniti Penampang

Timbalan Pengerusi

Jacinta @ Caroline Peter
Timbalan Pengarah Kolej Komuniti Penampang

Panel Penulis

Nor Haslinda binti Saenan
Grisha Henry William
Corine binti Ahlai @ Eric

Pereka Grafik

Shairul Bin Ludin
(Politeknik Kota Kinabalu)

Tel : 088-760951
Faks : 088-760954

Laman Rasmi : <https://kkpenampang.mypolycc.edu.my/>

Diedar Oleh :

Kolej Komuniti Penampang

Diurus Cetak Oleh :

Kolej Komuniti Penampang



Penulis :

1. Nor Haslinda binti Saenan
 - I. Cetakan ISSN & Penulisan (ii) – (iii)
 - II. Senarai Kandungan (vi) – (vii)
 - III. Singkatan (viii)
 - IV. Muka surat 1 – 20

2. Grisha Henry William
 - I. Muka hadapan
 - II. Muka Surat 21 – 40
 - III. Muka belakang

3. Corine binti Ahlai @ Eric
 - I. Perutusan Pengarah (iv)
 - II. Kata Alu-Aluan Pensyarah PSH (v)
 - III. Muka Surat 41 – 51

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, samaada tulisan atau ilustrasinya dalam apa jua bentuk teknik secara elektronik, fotokopi, mekanik dan lain-lain kecuali mendapat kebenaran daripada penerbit.

PERUTUSAN PENGARAH KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu dipanjatkan kesyukuran kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya maka terhasilnya buku **KEJAYAAN BERSAMA PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH) KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG**.

Selain menyediakan pendidikan dan latihan melalui program sepenuh masa, Kolej Komuniti Penampang juga menyediakan kursus-kursus pendek yang dikendalikan oleh Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH). Unit ini berperanan menyediakan pelbagai Kursus Pendek kepada komuniti setempat yang bertujuan untuk membantu membangunkan potensi diri melalui kumpulan sasaran.

Pelbagai kursus pendek telah dilaksanakan oleh Kolej komuniti Penampang di sepanjang penubuhannya. Oleh itu, penghasilan buku ini merupakan satu usaha unit Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) bagi mengumpul kisah-kisah kejayaan peserta yang pernah mengikuti kursus pendek di institusi ini. Semoga dengan penghasilan buku ini Kolej komuniti Penampang akan lebih dikenali oleh komuniti setempat tentang peranan kewujudannya.



Akhir kata, semoga segala usaha kita ini mendapat keberkatan dari Allah S.W.T. Sekian.

NOORHASIMAH BINTI KASSIM K.B.P.A
PENGARAH
KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG

KATA-KATA ALUAN PENSYARAH PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH) KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada semua pembaca yang dikasihi.

Saya selaku Ketua Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat Kolej Komuniti Penampang memanjatkan kesyukuran kehadiran Ilahi kerana dengan izinNya kami telah berjaya menghasilkan buku **KEJAYAAN BERSAMA PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH) KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG**.

Cetusan idea ini berlaku apabila ramai peserta kursus pendek berkongsi kejayaan mereka melalui *group Whatsapp* dan juga laman sosial seperti *Facebook* dan *Instagram*. Oleh itu, bagi menghargai kejayaan peserta kursus pendek yang dianjurkan oleh Kolej Komuniti Penampang, maka terhasillah buku ini untuk dijadikan memori indah mereka dan juga sebagai ingatan serta penghargaan pihak kolej di atas kejayaan yang peserta kecapai.

Semua idea yang dihasilkan dalam buku ini bukanlah sesuatu yang muktamad malah ianya masih mempunyai ruang untuk ditambahbaik dari semasa ke semasa. Pihak kami juga bersedia menerima sebarang teguran, komen dan cadangan daripada semua pihak untuk memantapkan lagi kandungan buku ini.

Akhir kata, sekalung budi dan penghargaan terima kasih sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penulisan buku ini. Tanpa komitmen semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sudah pastinya usaha murni ini tidak akan tercapai. Sekian.



NOR HASLINDA BINTI SAENAN
PENSYARAH PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)
KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG

SENARAI KANDUNGAN

PANEL PENULIS	iii
PERUTUSAN PENGARAH	iv
KATA ALU- ALUAN PENSYARAH PSH	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SINGKATAN	x
1.0 Pengenalan Kisah Kejayaan Bersama Pembelajaran Sepanjang Hayat Kolej Komuniti Penampang, Sabah	1
2.0 IKON PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (I@PSH)	
2.1 Ikon 01/2020 – Puan Kasmah binti Mustafa	2
2.2 Ikon 02/2020 – Encik Flaymeles bin Dingkim	4
2.3 Ikon 03/2020 – Puan Nurhidayah Alwasi Husin Abdullah	6
2.4 Ikon 04/2020 – Puan Harlinah binti Haridin	8
2.5 Ikon 05/2020 – Puan Surianie binti Dikar	10
2.6 Ikon 06/2020 – Puan Ellen Marzola Mosusi	12
2.7 Ikon 07/2020 – Puan Rupiah binti Lamsah	14
2.8 Ikon 08/2020 – Puan Hartini binti Mattahir	16
2.9 Ikon 09/2020 – Cik Jacqueline Phung	18
2.10 Ikon 10/2020 – Puan Mariam binti Nasib	20
2.11 Ikon 11/2020 – Puan Masita binti Hassan	22
2.12 Ikon 12/2020 – Puan Sarifah Salmi binti Sharif Agap	24
2.13 Ikon 13/2020 – Puan Wan Hadiah binti Din	26

2.14	Ikon 14/2020 – Cik Dg Junaidah binti Ali Amat	28
2.15	Ikon 15/2020 – Puan Khamisah binti Girnus	30
2.16	Ikon 16/2020 - Puan Henrietta Dane	32
2.17	Ikon 16/2020 – Puan Suzie Magalai	34
2.18	Ikon 17/2020 – Cik Siti Filzahtul Ai’na Aqalily Binti Hassan	36
2.19	Ikon 19/2020 – Puan Ermawati binti Anwar	38
2.20	Ikon 20/2020 – Puan Helena Tonggiluk	40
2.21	Ikon 21/2020 – Cik Farah Amirah binti Nin	42
2.22	Ikon 22/2020 – Puan Esther Clement Tubong	44
2.23	Ikon 23/2020 – Puan Kee Y Kamariah	46
2.24	Ikon 24/2020 – Encik Petrus Valentinus	48
2.25	Ikon 25/2020 – Puan Julitah binti Sabli	50

SINGKATAN

FAMA	<i>Federal Agricultural Marketing Authority</i>
FB	<i>Facebook</i>
JHEAINS	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
JPPKK	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
KAFA	Kelas al-Quran dan Fardhu Ain
KKPPG	Kolej Komuniti Penampang
KP	Kursus Pendek
PSH	Pembelajaran Sepanjang Hayat
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UMS	Universiti Malaysia Sabah

1.0 PENGENALAN KISAH KEJAYAAN BERSAMA PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG, SABAH

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) ataupun pembelajaran sepanjang umur bermaksud aktiviti pelajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan sepanjang hayat khususnya orang dewasa. PSH dianggap bermanfaat kepada individu kerana ia dapat membaiki kehidupan seseorang menerusi peningkatan kemahiran kerja, pembaikan sahsiah diri dan juga penambahan ilmu pengetahuan. Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) adalah satu proses pendemokrasian pendidikan, merangkumi program pemerolehan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi sama ada secara formal atau tidak formal. Secara umumnya, PSH mempunyai konsep untuk memenuhi keperluan individu dan guna tenaga di samping mewujudkan warganegara yang aktif dan kesaksamaan sosial.

Berbalik semula kepada kisah penceritaan peserta-peserta kursus pendek di Kolej Komuniti Penampang. Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) mengumpulkan 25 orang ikon yang berjaya menjalankan perniagaan kecil-kecilan menggunakan media sosial sebagai platform perniagaan. Kisah mereka ini telah dibukukan untuk dijadikan sumber inspirasi kepada komuniti di luar sana di mana dengan mengikuti kursus pendek pada hujung minggu dapat memperolehi pengetahuan, kemahiran serta menambahkan pendapatan isi rumah. Siapa kata surirumah tidak boleh menjana pendapatan. Di dalam Kejayaan Bersama Pembelajaran Sepanjang Hayat di Kolej Komuniti Penampang telah membuktikan ramai peserta kursus pendek terutamanya surirumah berjaya menonjolkan diri mereka untuk menjadi peniaga serta usahawan.

Data yang dikumpul oleh Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat menunjukkan peserta kursus pendek yang mengikuti kursus berjaya menambahkan pendapatan antara RM350 hingga RM3500 sebulan. Memandangkan bidang kemahiran bukanlah satu bidang yang memerlukan kos yang tinggi, cukuplah dengan ilmu yang dipelajari dapat menghasilkan sesuatu yang bermakna kepada peserta. Berbekalkan minat serta kesungguhan seseorang itu akan berjaya. Bak kata pepatah Melayu berbunyi 'hendak seribu daya, tak nak seribu dalih serta di mana ada kemahuan di situ ada jalannya. Terdapat banyak pilihan kursus pendek yang ditawarkan merangkumi pelbagai cabang kemahiran antaranya adalah asas kulinari, asas pastri, perniagaan, bahasa, komputer, fesyen, seni jahitan, kecantikan serta kursus berbentuk fardu ain. Oleh itu, rebutlah peluang untuk mengikuti kursus pendek di Kolej Komuniti Penampang kerana kursus yang ditawarkan adalah kursus yang terkini, variati, yuran yang berbaloi serta tenaga pengajar yang berpengalaman serta mesra.

2.0 IKON PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (I@PSH)

2.1 IKON 01/2020

Nama peserta : Puan Kasmah binti Mustafa

Kluster Kursus : Katering dan Sajian

Bidang : Masakan

Kursus Pendek Yang Disertai :

Bil	Nama Kursus
1.	Penghasilan Tart Nenas
2.	Penghasilan <i>Cream Puff</i>
3.	Penghasilan Kek Pandan dan Kek Kacang Merah <i>Slice</i>
4.	Penghasilan Biskut Raya Beraneka
5.	Penghasilan Kek Jepun
6.	Dekorasi Kek <i>Buttercream</i>

Lokasi Perniagaan : Kinarut, Sabah

Alamat *Facebook* : MamyCakeRecipe

Alamat *Instagram* : cahayamataterpilih

Impak menyertai kursus pendek:

Dengan menyertai kursus pendek, Puan Kasmah binti Mustafa dapat meningkatkan kemahiran yang dipelajari terutamanya dalam bidang masakan. Anggaran pendapatan sampingan yang diperolehi selepas mengikuti kursus pendek di Kolej Komuniti Penampang adalah antara RM300 hingga RM600 sebulan.

Ringkasan Kejayaan Peserta:

Bermula dengan minat yang mendalam dalam bidang masakan, Puan Kasmah binti Mustafa telah mengikuti kursus pendek yang ditawarkan di Kolej Komuniti Penampang. Kursus yang beliau kerap sertai adalah penghasilan kek, beraneka biskut serta dekorasi kek. Beliau menjalankan perniagaan ini secara separuh masa kerana masih bekerja di syarikat swasta. Beliau memasarkan produk pastri keluarannya secara atas talian dan jualan terus.



2.2 IKON 02/2020

Nama peserta : Encik Flaymeles bin Dingkim
Kluster Kursus : Katering dan Sajian
Bidang : Masakan

Kursus Pendek Yang Telah Disertai :

Bil	Nama Kursus
1.	Penghasilan Mini Donut <i>Brownies</i>
2.	Penghasilan <i>Japanese Break Pastry</i>
3.	Penghasilan <i>Malaysian Slice Cake</i> (Onde-onde dan <i>Red Bean Slice Cake</i>)
4.	Penghasilan Maruku Meletup dan Maruku <i>Cheese</i>
5.	Penghasilan Durian <i>Crepe</i>
6.	Penghasilan Aneka <i>Fabulous Cake</i> (<i>Ferrero Rocher Cake</i> , <i>Red Velvet Cake</i> dan <i>Truffles and Fluffy Butter Cake</i>)
7.	Penghasilan Kek Larva
8.	Penghasilan Rempyek dan Kuih Goyang (Kuih Ros)

Lokasi Perniagaan : Sekitar Kota Kinabalu
Nama Perniagaan : Bayu Sejahtera Enterprise
Facebook Page : Resepi Papa
Alamat *Facebook* : Flay Meles

Impak menyertai kursus pendek:

Selepas berhenti kerja *offshore* di pelantar minyak, Encik Flaymeles bin Dingkim mengikuti kursus pendek di Kolej Komuniti Penampang. Anggaran pendapatan bulanan beliau mencecah RM2000 hingga ke RM3000 sebulan.

Ringkasan Kejayaan Peserta:

Encik Flaymeles bin Dingkim merupakan seorang pekerja *offshore* pada tahun 2000 hingga 2016. Beliau merupakan bapa kepada dua orang cahayamata. Pada tahun 2016, beliau nekad untuk berhenti kerja walaupun pendapatan beliau sangat lumayan kerana ingin sentiasa bersama dengan anak dan isteri. Pada awal tahun 2017, beliau telah mula bergiat aktif mengikuti kursus pendek di Kolej Komuniti Penampang sehingga kini. Dengan dorongan dan sokongan kuat daripada isteri, beliau memulakan perniagaan kecil-kecilan dengan membuat dan menjual bun ke kantin sekolah serta menjual secara atas talian. Bermula dengan bun, beliau turut melebarkan perniagaan dengan menjual makanan seperti biskut, aneka maruku, kek bajet, dan kuih bulan.



2.3 IKON 03/2020

Nama peserta : Puan Nurhidayah Alwasi Husin Abdullah
Kluster Kursus : Katering dan Sajian
Bidang : Masakan

Kursus Pendek Yang Disertai :

Bil	Nama Kursus
1.	Penghasilan <i>Vampire Indulgence Cake</i>
2.	Dekorasi Kek <i>Buttercream</i> Tema <i>Flower and Basket</i>

Lokasi Perniagaan : Sekitar Kg Kuala Papar, Sabah
Nama Syarikat : Nur Alwasi Homemade Enterprise
Facebook Page : Alwasi Homemade Cake's
Alamat Facebook : Nur Alwasi

Impak menyertai kursus pendek:

Sebelum menyertai kursus pendek di Kolej Komuniti Penampang, pendapatan bulanan Puan Nurhidayah Alwasi Husin adalah sekitar RM3000. Selepas mengikuti kursus, pendapatan bulanan beliau mencecah RM 6000 di mana berjaya mempelbagaikan koleksi jualan di kedai beliau.

Ringkasan Kejayaan Peserta:

Puan Nurhidayah Alwasi adalah seorang usahawan bimbingan daripada Jabatan Pertanian dan FAMA daerah Papar. Selain itu, beliau kerap mengikuti kursus-kursus bagi kluster katering dan sajian untuk meningkatkan lagi kemahiran dalam menghasilkan kek, roti, biskut, serta hiasan kek. Walaupun telah mempunyai kedai bakeri di kampung, beliau masih lagi mengikuti kursus di Kolej Komuniti Penampang untuk mendapatkan lagi ilmu pengetahuan serta teknik dalam menghasilkan produk dengan lebih baik lagi. Pada asalnya, produk beliau hanyalah bermula dengan kek coklat *moist* tetapi lama kelamaan produk beliau bertambah dan menepati citarasa pembeli.



Alwasi HomeMade Cake'S
Kg. Kuala Jln Pantai Manis



**Alwasi
Homemade**



2.4 IKON 04/2020

Nama peserta : Puan Harlinah binti Haridin
Kluster Kursus : Katering dan Sajian
Bidang : Masakan

Kursus Pendek Yang Disertai :

Bil	Nama Kursus
1.	Penghasilan Aneka <i>Fabulous Cake (Ferrero Rocher Cake, Red Velvet Truffles and Fluffy Butter Cake)</i>
2.	Penghasilan <i>Assorted</i> Kek Tapak Kuda (<i>Yam, Green Tea and Red Velvet</i>) Sesi 1
3.	Penghasilan Talam Tokyo dan Bingka Keladi
4.	Penghasilan Aneka Rempyek
5.	Penghasilan Bingka Ubi <i>Cheese</i>
6.	Penghasilan <i>Monogram Cake</i>
7.	Penghasilan Aneka Bun

Lokasi Perniagaan : Tuaran, Sabah
Alamat *Facebook* : Nickbakh Nhmardhiyah Bakhtiar

Impak menyertai kursus pendek:

Selepas menyertai kursus pendek, Puan Harlinah binti Haridin dapat mempelajari teknik yang betul dalam menghias kek. Beliau lebih berkeyakinan menghasilkan kek yang cantik dan disukai pelanggan.

Ringkasan Kejayaan Peserta:

Dari seorang guru KAFA, Puan Harlinah binti Haridin telah menceburi bidang bakeri sebagai sumber pendapatan sampingan beliau. Alhamdulillah selepas menyertai kursus pendek yang dianjurkan oleh Kolej Komuniti Penampang, keyakinan beliau semakin bertambah untuk berusaha memajukan serta mempelbagaikan produk kek jualan beliau. Di samping dapat membantu keluarga menjana pendapatan, beliau juga dapat memperbaiki lagi hasil seni dalam dekorasi kek.



2.5 IKON 05/2020

Nama peserta : Puan Surianie binti Dikar
Kluster Kursus : Katering dan Sajian
Bidang : Masakan

Kursus Pendek Yang Disertai :

Bil	Nama Kursus
1.	Penghasilan <i>Red Velvet Brownies</i>
2.	Penghasilan Mini Donut <i>Brownies</i> Siri 2
3.	Penghasilan Kek Pisang untuk Bisnes Siri 1
4.	Penghasilan Kek Sarang Semut Dulu-dulu
5.	Penghasilan <i>Vampire Indulgence Cake</i> Siri 2
6.	Penghasilan Aneka Puding Cermin
7.	Penghasilan Maruku <i>Cheese</i> dan Maruku Meletup
8.	Penghasilan Goreng Pisang Rangup Meletup-letup
9.	Penghasilan Mini Pizza
10.	Penghasilan Mini <i>Cheese Tart</i> Saiz 4.5cm
11.	Penghasilan Aneka Roti Manis

Lokasi Perniagaan : Kota Kinabalu, Sabah
Nama syarikat : Manis-manis Enterprise
Alamat *Facebook* : Adeqsurianie D

Impak menyertai kursus pendek:

Pendapatan Puan Surianie binti Dikar telah bertambah selepas menyertai kursus pendek di Kolej Komuniti Penampang iaitu sebanyak RM500 hingga ke RM750 sebulan, di samping meningkatkan lagi kemahiran beliau dalam bidang pastri.

Ringkasan Kejayaan Peserta:

Pelbagai kursus pendek dalam kluster masakan telah dihadiri oleh Puan Surianie binti Dikar. Dari sekadar minat dan hobi, kini beliau berjaya menjana pendapatan hanya dari rumah dengan perniagaan bakeri secara atas talian. Pendapatan beliau sedikit sebanyak dapat menampung perbelanjaan isi rumah yang terjejas akibat penularan pandemik Covid-19. Dari seorang suri rumah kini beliau telah berjaya sebagai usahawan bakeri secara atas talian.



Adeqsurianied



2.6 IKON 06/2020

Nama peserta : Puan Ellen Marzola Mosusi
Kluster Kursus : Katering dan Sajian
Bidang : Masakan

Kursus Pendek Yang Disertai :

Bil	Nama Kursus
1.	Dekorasi Kek <i>Buttercream</i> Tema <i>Flower and Basket</i>
2.	Penghasilan Aneka <i>Fabulous Cake</i> (<i>Ferrero Rocher Cake, Red Velvet Cake</i> dan <i>Truffles and Fluffy Butter Cake</i>)
3.	Penghasilan <i>Vampire Indulgence Cake</i> Siri 2

Lokasi Perniagaan : Penampang, Sabah
Facebook Page : Lola's Bakery
Alamat Facebook : Ellen Mosusi

Impak menyertai kursus pendek:

Sebelum menyertai kursus pendek di Kolej Komuniti Penampang, pendapatan bulanan Puan Ellen Marzola Mosusi antara RM500 ke RM650 sebulan. Setelah mengikuti beberapa kursus pendek yang dianjurkan, beliau berjaya mempelbagaikan jualan jenis kek dan pendapatan bulanan beliau kini mencecah RM1000 ke atas.

Ringkasan Kejayaan Peserta:

Puan Ellen Marzola Mosusi adalah seorang usahawan yang menjual pelbagai jenis masakan panas. Beliau telah mengikuti beberapa siri kursus pendek di Kolej Komuniti Penampang untuk menambahkan pengalaman dan pengetahuan beliau. Beliau mula berjinak-jinak mengikuti kursus bakeri pada awal tahun 2020 dan telah berjaya menjual pelbagai jenis kek.



2.7 IKON 07/2020

Nama peserta : Puan Rupiah binti Lamsah
Kluster Kursus : Katering dan Sajian
Bidang : Masakan

Kursus Pendek Yang Disertai :

Bil	Nama Kursus
1.	Penghasilan Kuih Seri Ayu (<i>Original</i> dan berasaskan <i>Cheese</i>)
2.	Penghasilan Rempeyek dan Kuih Goyang (Kuih Ros)
3.	Penghasilan <i>Cheese Tart</i> Saiz 4.5cm
4.	Penghasilan Aneka Puding Cermin
5.	Penghasilan <i>Brownies</i> Kedut


Lokasi Perniagaan : Sepanggar, Sabah
Facebook Page : Titie Kitchen
Alamat Instagram : ttkitchen_36

Impak menyertai kursus pendek:

Sebelum menyertai kursus pendek di Kolej Komuniti Penampang, Puan Rupiah binti Lamsah tiada pendapatan sampingan. Namun kini beliau telah berjaya menjana pendapatan antara RM250 hingga ke RM500 sebulan.

Ringkasan Kejayaan Peserta:

Setelah mengikuti kursus membuat kuih ros di Kolej Komuniti Penampang, Puan Rupiah binti Lamsah telah berjaya menambah pendapatan sampingan yang amat menggalakkan dengan penghasilan Kuih Ros. Beliau juga mula mendapat tempahan dari kawan-kawan dan saudara mara untuk majlis-majlis keramaian dan kesyukuran. Hasil pendapatan beliau dapat menampung kos sara hidup isi rumah ketika pandemik Covid-19 melanda.



2.8 IKON 08/2020

Nama peserta : Puan Hartini binti Mattahir
Kluster Kursus : Seni Kreatif
Bidang : Seni Kreatif

Kursus Pendek Yang Disertai :

Bil	Nama Kursus
1.	Gubahan Coklat dan <i>Flower Bouquet</i>

Lokasi Perniagaan : Papar, Sabah
Nama syarikat : Cocoballon Suprise
Facebook Page : Cocoballon Suprise
Alamat Instagram : Cocoballon Suprise

Impak menyertai kursus pendek:

Puan Hartini binti Mattahir merupakan pelukis pelan di mana pendapatan bulanan beliau adalah tetap. Selepas mengikuti kursus ini pendapatan bulanan beliau mencecah RM500 ke RM650 sebulan.

Ringkasan Kejayaan Peserta:

Selepas menyertai kursus pendek Gubahan *Chocolate and Flower Bouquet*, Puan Hartini binti Mattahir lebih bersemangat, yakin, serta berfikiran terbuka untuk terus maju ke hadapan. Kursus ini telah memberikan inspirasi kepada beliau untuk menjadi lebih kreatif dalam menghasilkan *Flower Bouquet* yang cantik. Beliau merupakan antara pekerja swasta yang terjejas pendapatan rentetan daripada penularan pandemik Covid-19. Namun berbekalkan ilmu yang dipelajari semasa mengikuti kursus pendek, secara tidak langsung dapat menambahkan pendapatan isi rumah beliau. Disebabkan minat ke atas seni kreatif ini, beliau berasa seronok walaupun masa dan tenaga banyak digunakan untuk menghasilkan gubahan yang cantik.





COCO BALLON
-Bouquet-Flower-Chocolate-Ballon

 Cocoballon Surprise

 cocoballon_surprise

 0128289080 - TINI



2.9 IKON 09/2020

Nama peserta : Cik Jacqueline Phung
Kluster Kursus : Katering dan Sajian
Bidang : Masakan

Kursus Pendek Yang Disertai :

Bil	Nama Kursus
1.	Penghasilan Aneka Puding Cermin
2.	Penghasilan Kek Coklat <i>Moist Topping</i> Coklat
3.	Penghasilan Maruku <i>Cheese</i> dan Maruku Meletup

Lokasi Perniagaan : Penampang, Sabah
Nama syarikat : Ummicun Auna Enterprise
Facebook Page : UMMICUN
Alamat Facebook : Jacqueline Phung / Ummicun Auna
Alamat Instagram : Ummicun

Impak menyertai kursus pendek:

Selepas mengikuti kursus pendek di Kolej Komuniti Penampang, pendapatan yang diperolehi adalah RM1000 dan ke atas. Selain itu, Puan Jacqueline Phung memperolehi kemahiran dalam menghasilkan kek dengan teknik yang betul.

Ringkasan Kejayaan Peserta:

Hasil daripada menyertai kursus pendek Penghasilan Kek *Chocolate Moist Topping Chocolate* jualan secara atas talian sangat memberangsangkan. Kek coklat yang dihasilkan mendapat sambutan baik sehingga pernah mendapat tempahan kek coklat mini untuk dijadikan majlis harijadi, kenduri serta acara-acara rasmi kerajaan. Kek coklat beliau boleh didapati di kedai-kedai runcit di kampung beliau. Secara tidak langsung dapat membantu beliau mempelbagaikan lagi produk dalam bidang bakeri.



2.10 IKON 10/2020

Nama peserta : Puan Mariam binti Nasib
Kluster Kursus : Katering dan Sajian
Bidang : Masakan

Kursus Pendek Yang Disertai :

Bil	Nama Kursus
1.	Penghasilan Maruku <i>Cheese</i> dan Maruku Meletup
2.	Penghasilan Rempeyek dan Kuih Goyang (Kuih Ros)
3.	Penghasilan Maruku Lemak Manis dan Maruku Kacang Peas

Lokasi Perniagaan : Putatan, Sabah
Nama Syarikat : Maysera Boutique Enterprise
Facebook Page : Maysera Boutiq
Alamat *Facebook* : Marviane Nasip

Impak menyertai kursus pendek:

Selapas menyertai kursus pendek di Kolej Komuniti Penampang, Puan Mariam binti Nasib berjaya meningkatkan kualiti kehidupan. Sebagai contoh, beliau kini memperolehi pendapatan sampingan antara RM500 hingga RM1000 sebulan.

Ringkasan Kejayaan Peserta:

Puan Mariam binti Nasib menyertai kursus pendek di Kolej Komuniti Penampang untuk mengisi masa lapang di hujung minggu. Dengan menyertai kursus pendek, beliau telah menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan melalui media sosial dan menerima tempahan makanan ringan seperti maruku meletup, maruku *cheese*, rempeyek dan kuih goyang daripada kedai-kedai runcit dan kedai makan di sekitar bandar Kota Kinabalu. Selain itu, beliau turut dijemput untuk menjadi penceramah jemputan untuk mengajar Kursus Penghasilan Maruku Meletup dan Maruku *Cheese* di negara Brunei yang semakin mendapat tempat untuk warga penduduk di negara itu.



2.11 IKON 11/2020

Nama peserta : Puan Masita binti Hassan

Kluster Kursus : Katering dan Sajian

Bidang : Masakan

Kursus Pendek Yang Disertai :

Bil	Nama Kursus
1.	Penghasilan Maruku <i>Cheese</i> dan Maruku Meletup
2.	Penghasilan Rempeyek dan Kuih Goyang (Kuih Ros)
3.	Penghasilan Maruku Lemak Manis dan Maruku Kacang Peas
4.	Penghasilan Kek Pelangi Karamel
5.	Penghasilan Mini Donut <i>Brownies</i>

Lokasi Perniagaan : Kinarut, Sabah

Alamat *Facebook* : Masita Hassan

Impak menyertai kursus pendek:

Sebelum mengikuti kursus pendek di Kolej Komuniti Penampang, Puan Masita binti Hassan tidak mempunyai pendapatan sampingan. Selepas mengikuti kursus pendek, pendapatan bulanan beliau bertambah dari RM500 hingga ke RM1000 sebulan. Secara tidak langsung, beliau dapat meningkatkan lagi kualiti kehidupan serta kemahiran di dalam bidang masakan.

Ringkasan Kejayaan Peserta:

Puan Masita binti Hassan merupakan suri rumah sepenuh masa dan sangat meminati bidang masakan. Memandangkan kos hidup semakin tinggi, beliau berusaha untuk menambah pendapatan sampingan seperti menjual secara kecil-kecilan. Sejak mengikuti kursus Penghasilan Maruku *Cheese* dan Maruku Meletup, pendapatan beliau bertambah baik dan dikenali ramai apabila beliau mula membuat promosi perniagaan melalui media sosial seperti *Facebook*. Beliau juga membuka *booth* jualan di sekitar Papar dan Kota Kinabalu. Selain itu, beliau telah mendapat khidmat nasihat serta bimbingan FAMA Daerah Papar dalam memajukan perniagaan kecil-kecilan ini dan sering mendapat jempunan untuk mengajar Kursus Penghasilan Maruku *Cheese* dan Maruku Meletup di sekitar daerah Papar.



2.12 IKON 12/2020

Nama peserta : Puan Sarifah Salmi binti Sharif Agap
Kluster Kursus : Katering dan Sajian
Bidang : Masakan

Kursus Pendek Yang Disertai :

Bil	Nama Kursus
1.	Penghasilan Maruku <i>Cheese</i> dan Maruku Meletup
2.	Penghasilan Rempeyek dan Kuih Goyang (Kuih Ros)
4.	Penghasilan <i>Red Velvet Brownies</i>
5.	Penghasilan Mini Donut <i>Brownies</i>
6.	Penghasilan Kek Coklat <i>Moist Topping</i> Coklat
7.	Penghasilan Kek Sarang Semut Dulu-dulu
8.	Penghasilan Kuih Seri Ayu (<i>Original</i> dan berasaskan <i>Cheese</i>)
9.	Penghasilan Kek Pisang
10.	Penghasilan Kek Pandan dan Kek <i>Strawberry Cheese</i> Leleh
11.	Penghasilan <i>Combo Cake</i> Siri 1 (<i>Salted Caramel Chocolate Banana and Chocolate Mousse</i>)
12.	Penghasilan <i>Basic Wedding Cake Deco</i>


Lokasi Perniagaan : Penampang, Sabah
Nama Perniagaan : Salmi Enterprise
Alamat *Facebook* : sarifah salmi

Impak menyertai kursus pendek:

Sejak mengikuti kursus pendek, pendapatan bulanan Puan Sarifah Salmi binti Sharif Agap mencecah RM500 hingga ke RM1500 sebulan bergantung pada tempahan yang diterima daripada orang ramai.

Ringkasan Kejayaan Peserta:

Puan Sarifah Salmi binti Sharif Agap merupakan seorang ibu kepada empat orang cahaya mata. Beliau kini bekerja di pasaraya dan mengambil inisiatif untuk menambah pendapatan sampingan dengan menjual pelbagai jenis kuih dan kek. Oleh itu, beliau banyak menghadiri kursus-kursus pendek yang dianjurkan oleh Kolej Komuniti Penampang. Penglibatan aktif beliau bermula daripada minat memasak dan ternyata membuahkan hasil apabila mampu menjana pendapatan tambahan bagi menampung kos hidup yang tinggi. Syukur alhamdulillah ia telah menjadi pendapatan sampingan buat beliau.



2.13 IKON 13/2020

Nama peserta : Puan Wan Hadiah binti Din
Kluster Kursus : Katering dan Sajian
Bidang : Masakan

Kursus Pendek Yang Disertai :

Bil	Nama Kursus
1.	Penghasilan <i>Moon Cake Shanghai (Lotus, Red Bean and Egg York)</i> Sesi 1
2.	Penghasilan Rempeyek dan Kuih Goyang (Kuih Ros)
3.	Penghasilan <i>Aneka Bun</i>
4.	Penghasilan Aneka Kuih Melayu: Nona Manis dan Kuih Bom
5.	Penghasilan Mini Donut <i>Brownies</i>
6.	Penghasilan Talam Tokyo dan Bingka Keladi
7.	Penghasilan Kek Coklat <i>Moist Topping</i> Coklat
8.	Penghasilan Kuih Seri Ayu (<i>Original</i> dan berasaskan <i>Cheese</i>)

Lokasi Perniagaan : Putatan, Sabah
Nama Syarikat : Wan Hadiah Enterprise
Facebook Page : Wan Hadiah Homemade
Alamat Facebook : Wan Hadiah

Impak menyertai kursus pendek:

Sejak menyertai kursus pendek di Kolej Komuniti Penampang, pendapatan Puan Wan Hadiah binti Din kini mencecah RM500 hingga RM1000 sebulan bergantung kepada permintaan orang ramai. Selain itu, beliau kini berasa lebih yakin untuk menghasilkan produk yang sedap dan disukai ramai.

Ringkasan Kejayaan Peserta:

Puan Wan Hadiah binti Din merupakan seorang guru JHEAINS di daerah Papar. Beliau mula menyertai kursus pendek di Kolej Komuniti Penampang bermula pada tahun 2018 sehingga kini. Tujuan utama mengikuti kursus pendek adalah untuk menambahkan kemahiran dalam bidang pastri. Selain menjadi seorang guru, beliau turut menjalankan perniagaan secara sambilan secara atas talian. Sokongan utama daripada suami dan anak-anak menjadikan beliau sangat yakin dalam menghasilkan produk pastri. Antara produk *top selling* adalah donut *brownies*. Setiap minggu beliau akan membuka tempahan awal kerana menerima sambutan yang amat menggalakkan lebih lagi untuk sambutan hari jadi dan juga sebagai *door gift*.



2.14 IKON 14/2020

Nama peserta : Cik Dg Junaidah binti Ali Amat
Kluster Kursus : Katering dan Sajian
Bidang : Masakan

Kursus Pendek Yang Disertai :

Bil	Nama Kursus
1.	Penghasilan <i>Mini Donut Brownies</i>
2.	Penghasilan <i>Cheese Tart</i> Saiz 4.5cm
3.	Penghasilan Kuih Seri Ayu (<i>Original</i> dan berasaskan <i>Cheese</i>)
4.	Penghasilan Aneka Talam
5.	Penghasilan Kek <i>Chocolate Moist</i> dan Kek <i>Cheese</i> Leleh
6.	Penghasilan Aneka Puding Cermin
7.	Penghasilan Bingka Ubi <i>Cheese</i>
8.	Penghasilan Goreng Pisang Rangup Meletup-letup
9.	Penghasilan Aneka Rempeyek
10.	Penghasilan Aneka <i>Brownies</i> (<i>Fudge Brownies, Chocolate Brownies and Chop Chip Congo Bar</i>)
11.	Penghasilan <i>Assorted</i> Kek Tapak Kuda (<i>Yam, Green Tea and Red Velvet</i>) Sesi 1
12.	Penghasilan Kek Onde-onde Pandan

Lokasi Perniagaan : Kota Kinabalu, Sabah


Alamat *Facebook* : Dg Junaidah

Impak menyertai kursus pendek:

Selepas menyertai kursus pendek, pendapatan bulanan yang diperolehi oleh Cik Dg Junaidah binti Ali Amat antara RM500 hingga ke RM1000 sebulan. Selain itu, beliau dapat meningkatkan kemahiran dalam menghasilkan beraneka jenis kuih muih serta kek selari dengan permintaan semasa

Ringkasan Kejayaan Peserta:

Pada asalnya, Cik Dg Junaidah binti Ali Amat mengikuti kursus pendek di Kolej Komuniti Penampang adalah untuk mengisi masa lapang pada hujung minggu serta memasak untuk ahli keluarga serta saudara mara. Lama-kelamaan minat beliau berniaga secara kecil-kecilan terbuka luas setelah ahli keluarga memberi sokongan penuh. Kini, beliau berjaya menjual produk yang dipelajari sewaktu kursus seperti aneka bingka, talam Tokyo, seri muka, nona manis, serta donut *brownies* kepada pelanggan di sekitar Kota Kinabalu.



2.15 IKON 15/2020

Nama peserta : Puan Khamisah binti Girus
Kluster Kursus : Katering dan Sajian
Bidang : Masakan

Kursus Pendek Yang Disertai :

Bil	Nama Kursus
1.	Penghasilan Maruku <i>Cheese</i> dan Maruku Meletup
2.	Penghasilan Kek Lapis Sarawak
3.	Penghasilan Aneka Roti
4.	Penghasilan <i>Red Velvet Brownies</i>
5.	Penghasilan Kuih Seri Ayu (<i>Original</i> dan berasaskan <i>Cheese</i>)
6.	Penghasilan Mini Donut <i>Brownies</i>
7.	Penghasilan <i>Vampire Indulgence Cake</i> Siri 1

Lokasi Perniagaan : Telipok, Sabah

Alamat *Facebook* : Khamisah Isah

Impak menyertai kursus pendek

Setelah mengikuti kursus pendek dalam kluster catering dan sajian di kolej komuniti Penampang, Puan Khamisah binti Girus telah berjaya mendapat pendapatan sampingan sekitar RM300 hingga RM500 sebulan.

Ringkasan Kejayaan Peserta:

Beliau merupakan seorang ibu kepada 3 orang cahaya mata. Bekerja di pasaraya dan mengambil inisiatif untuk menambah pendapatan sampingan dengan menjual pelbagai jenis kuih dan kek. Oleh sebab itu, beliau banyak menghadiri kursus-kursus pendek yang dianjurkan oleh Kolej Komuniti Penampang. Suka makan dan suka masak, segalanya bermula dari minat, syukur alhamdulillah sekarang menjadi pendapatan sampingan buat beliau.



2.16 IKON 16/2020

Nama peserta : Puan Henrietta Dane
Kluster Kursus : Katering dan Sajian
Bidang : Masakan

Kursus Pendek Yang Disertai :

Bil	Nama Kursus
1.	Penghasilan Mini Cheesetart Saiz 4.5 cm
2.	Penghasilan <i>Red Velvet Brownies</i>
3.	Penghasilan Kek Pandan dan Strawberry Kukus Cheese Leleh
4.	Penghasilan Kek Coklat Moist Kukus dan <i>Chocolate Topping</i>
5.	Dekorasi Kek <i>Buttercream Tema Flower and Basket</i>
6.	Dekorasi Kek Tema <i>Unicorn</i>
7.	Penghasilan <i>Brownies</i> Kedut



Lokasi Perniagaan : Penampang, Sabah
Alamat *Facebook* : Janna Rietta Dane

Impak menyertai kursus pendek:

Sebelum menyertai kursus pendek, Puan Henrietta Dane tidak mempunyai pendapatan. Selepas menyertai kursus pendek, pendapatan beliau adalah sebanyak RM500 hingga RM1000 sebulan. Menjelang musim perayaan, beliau akan menerima tempahan dan penjanaan pendapatan adalah di luar jangkaan.

Ringkasan Kejayaan Peserta:

Puan Henrietta Dane pada asalnya hanya menjual *cookies*, namun oleh kerana minat dalam pembuatan kek, beliau memberanikan diri untuk menghadiri program kursus pendek di Kolej Komuniti Penampang. Pelbagai jenis kursus pembuatan kek dan dekorasi kek dihadiri beliau demi menjana pendapatan. Kini, beliau telah meluaskan cabang kerjayanya kepada penjualan kek, *brownies*, *cheese tart*, *cupcake* dan sebagainya. Program yang telah beliau hadiri amat membantu beliau dalam meningkatkan pengetahuan dalam *baking* dan keyakinan beliau untuk menjalankan perniagaan kecil-kecilan dari rumah.



2.17 IKON 17/2020

Nama peserta : Puan Suzie Magalai
Kluster Kursus : Katering dan Sajian
Bidang : Masakan

Kursus Pendek Yang Disertai :

Bil	Nama Kursus
1.	Penghasilan Kek Lapis Sarawak
2.	Penghasilan Maruku Lemak Manis dan Maruku Kacang Peas
3.	Penghasilan <i>Red Velvet Brownies</i>
4.	Penghasilan Mini Pizza

Lokasi Perniagaan : Tamparuli, Sabah
Nama Perniagaan : Suzie Mag's Kitchen
Facebook Page : Suzie Mag's Kitchen

Impak menyertai kursus pendek:

Pendapatan Puan Suzie Magalai sebelum menyertai kursus pendek adalah RM500 -RM750 sebulan. Selepas menyertai kursus pendek pendapatan beliau mencecah RM1200 hingga ke RM1500. Beliau memperolehi pendapatan luar jangka kerana penduduk di sekitar daerah Tamparuli kerap menempah dengan beliau.

Ringkasan Kejayaan Peserta:

Siapa kata suri rumah tidak boleh menjana pendapatan sendiri? Puan Suzie Magalai telah membuktikan bahawa seorang suri rumah juga mampu membantu ekonomi keluarga. Beliau telah menyertai beberapa program kursus pendek secara *hands on* di kolej Komuniti Penampang, beliau berjaya mendapat ilmu, tips, dan resepi yang mudah dipraktikkan dalam penghasilan produk bakeri. Program kursus pendek ini sangat membantu masyarakat terutamanya golongan suri rumah untuk memulakan perniagaan secara kecil-kecilan dari rumah.



2.18 IKON 18/2020

Nama peserta : Cik Siti Filzahtul Ai'na Aqalily Binti Hassan
Kluster Kursus : Katering dan Sajian
Bidang : Masakan

Kursus Pendek Yang Disertai :

Bil	Nama Kursus
1.	Penghasilan Rempyek dan Kuih Goyang (Kuih Ros)
2.	Penghasilan <i>Brownies</i> Kedut
3.	Penghasilan Aneka Biskut Siri 4 (Biskut <i>Cadbury</i> , Biskut <i>Melting Cheese</i> dan Biskut <i>Salted Egg</i>)
4.	Penghasilan Bingka Dodol dan Bingka Ubi Cheese
5.	Penghasilan Mooncake
6.	Penghasilan Aneka Bun


Lokasi Perniagaan : Sipitang, Sabah
Alamat *Facebook* : Bake Fast / Siti Filzahtul

Impak menyertai kursus pendek:

Dengan mengikuti kursus pendek di Kolej Komuniti Penampang, Cik Siti Filzahtul Ai'na Aqalily Binti Hassan dapat meningkatkan kemahiran dalam menghasilkan produk berasaskan pastri. Pendapatan bulanan beliau adalah antara RM500 hingga ke RM700. Dan siapa sangka di waktu penularan Pandemik Covid-19, pendapatan beliau masih boleh mencecah RM1500 sebulan.

Ringkasan Kejayaan Peserta:

Berjinak-jinak dengan dunia perniagaan membawa beliau untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang masakan. Walaupun tinggal agak jauh dari Kolej Komuniti Penampang, beliau sering menyertai kursus pendek yang dianjurkan oleh pihak kolej pada hujung minggu. Selain sebagai seorang pelajar, beliau turut membantu ibunya berniaga secara atas talian pada sebelah petang. Dengan berniaga secara kecil-kecilan, ia mampu menjana pendapatan dan meningkatkan kemahiran serta pengetahuan diri beliau.



2.19 IKON 19/2020

Nama peserta : Puan Ermawati binti Anwar
Kluster Kursus : Katering dan Sajian
Bidang : Masakan

Kursus Pendek Yang Disertai :

Bil	Nama Kursus
1.	Penghasilan Pembuatan Durian <i>Crepe</i>
2.	Penghasilan Kek <i>Swiss Roll</i>
3.	Penghasilan <i>Red Velvet Cake</i>
4.	Penghasilan Masakan Barat <i>Lasagna</i>
5.	Penghasilan <i>Moist Ganache</i>
6.	Kursus Dekorasi Kek Siri 1
7.	Penghasilan <i>Rainbow Cheese Cake</i>

Lokasi Perniagaan : Kota Kinabalu, Sabah
Alamat *Facebook* : amy watie anwar
Alamat *Instagram* : Watieanwar81

Impak menyertai kursus pendek:

Selepas menyertai kursus pendek di Kolej Komuniti Penampang dalam bidang masakan, Puan Ermawati binti Anwar mempelajari teknik yang betul dalam menghasilkan dekorasi kek.

Ringkasan Kejayaan Peserta:

Puan Ermawati binti Anwar juga merupakan seorang suri rumah yang telah berjaya dalam bidang bakeri. Kursus pendek yang beliau hadiri memberi banyak manfaat serta dapat menambah ilmu dalam jangka masa yang singkat. Selepas beliau mengikuti kursus pendek di Kolej Komuniti Penampang, sedikit sebanyak telah membantu beliau untuk memajukan lagi perniagaan atas talian dari rumah. Sebagai suri rumah, pembahagian masa beliau juga fleksibel kerana mempunyai keseimbangan dalam menguruskan hal rumah tangga dan juga perniagaan.



2.20 IKON 20/2020

Nama Peserta : Puan Helena Tonggiluk

Kluster Kursus : Katering dan Sajian

Bidang : Masakan

Kursus Pendek Yang Disertai :

Bil	Nama Kursus
1.	Penghasilan <i>Continental Cake</i>
2.	Penghasilan <i>Mango Mousse Cheese Cake</i>
3.	Penghasilan <i>Fruit Cake Viral</i>
4.	Penghasilan Kek Onde-Onde Pandan
5.	Penghasilan <i>Butter Cookies</i>
6.	Penghasilan Dekorasi Kek Siri 1
7.	Penghasilan Dekorasi Kek <i>Buttercream</i> Tema <i>Flower and Basket</i>
8.	Penghasilan Mooncake

Lokasi Perniagaan : Tenom, Sabah

Facebook Page : AsiaRasa Bakery

Alamat *Facebook* : Norlena Helena

Impak menyertai kursus pendek

Puan Helena Tonggiluk dapat meningkatkan kemahirannya dalam penyediaan pelbagai produk pastri. Hasilnya produk beliau dikenali di daerah Tenom dan sekitarnya.

Ringkasan Kejayaan Peserta:

Dengan menyertai kursus pendek di Kolej Komuniti Penampang, bukan sahaja anda diajar berpandukan resepi semata-mata tetapi juga anda akan memperolehi kemahiran dan teknik yang betul dalam penghasilan sesuatu produk. Itulah apa yang dikhabarkan oleh Puan Helena Tonggiluk yang kini bergelar usahawan bakeri. Di samping itu, beliau juga mempelajari kiraan kos yang bersesuaian dengan produk yang dihasilkan. Selepas menyertai kursus pendek di Kolej Komuniti Penampang, beliau mendapat tempahan yang semakin tinggi sekaligus menambahkan lagi jumlah keuntungan di dalam perniagaan beliau.



2.21 IKON 21/2020

Nama peserta : Cik Farah Amirah binti Nin
Kluster Kursus : Katering dan Sajian
Bidang : Masakan

Kursus Pendek Yang Disertai :

Bil	Nama Kursus
1.	Penghasilan Pembuatan Roti
2.	Penghasilan Pembuatan Kek Bajet <i>Cheese</i> Leleh
3.	Penghasilan Pembuatan Cendol
4.	Penghasilan Penghasilan Kek Pelangi <i>Caramel</i>

Lokasi Perniagaan : Grand Merdeka Mall, Kota Kinabalu, Sabah
Nama Perniagaan : Nin Family Cake House Alap Bana

Impak menyertai kursus pendek:

Sebelum menyertai kursus pendek di Kolej Komuniti Penampang, Cik Farah Amirah binti Nin kurang berkeyakinan untuk menghasilkan dan memasarkan produk yang dijual. Setelah menyertai kursus-kursus yang dijalankan oleh pihak kolej, beliau bersemangat dan berkeyakinan untuk menjual produk. Secara tidak langsung pendapatan kasar beliau mencecah RM3000 dan ke atas. Perniagaan beliau kini dijalankan di Grand Merdeka Mall, Kota Kinabalu, Sabah.

Ringkasan Kejayaan Peserta:

Setelah menyertai kursus anjuran Kolej Komuniti Penampang, Cik Farah Amirah binti Nin sudah boleh menghasilkan kek dan bun dengan pelbagai rasa, reka bentuk, dan hiasan yang lebih menarik cita rasa pelanggan. Dahulu hanya menjual produk di tepi jalan, tetapi kini mampu membuka kedai kek sendiri, hasil dari bimbingan Kolej Komuniti Penampang. Tenaga pengajar bukan sahaja mengajar memasak tetapi diselitkan juga dengan cara-cara mengendalikan kos produk dan urus niaga. Walaupun kursus pendek, tetapi manfaat dan faedahnya sungguh memuaskan dan amat berbaloi. Tambahan lagi yuran kursus yang murah dan mampu milik. Beliau yakin dalam masa terdekat mampu menerima tempahan dengan kapasiti yang lebih tinggi lagi. Antara produk yang *top selling* adalah seperti kek *cheese* leleh dan roti yang boleh diperolehi Kedai Mesra Petronas Menggatal Kota Kinabalu. Selain itu, beliau juga sering menyertai Jualan Konvokesyen di UMS, UITM, Pesta Kebudayaan, serta Expo Jualan Karnival Usahawan Wanita Sabah.



2.22 IKON 22/2020

Nama peserta : Puan Esther Clement Tubong
Kluster Kursus : Katering dan Sajian
Bidang : Masakan

Kursus Pendek Yang Disertai :

Bil	Nama Kursus
1.	Penghasilan <i>Red Velvet Brownies</i>
2.	Penghasilan Kek Pisang
3.	Penghasilan Kek Buah Kukus
4.	Penghasilan Mini Donut <i>Brownies</i>
5.	Dekorasi Kek Buttercream Tema Flower and Basket
6.	Dekorasi Kek Tema Unicorn

Lokasi Perniagaan : Penampang, Sabah
Alamat *Facebook* : Esther Clement Tubong

Impak menyertai kursus pendek:

Sebelum menyertai kursus pendek, Puan Esther Clement Tubong tidak mempunyai pendapatan kecuali apabila mendapat panggilan membuat persembahan di RTM atau majlis-majlis keramaian. Dengan berbekalkan pengalaman mengikuti kursus pendek dalam bidang masakan di Kolej Komuniti Penampang, pendapatan beliau antara RM1000 hinggan RM1500 sebulan.

Ringkasan Kejayaan Peserta:

Puan Esther Clement Tubong merupakan artis Sabah yang telah mencipta nama dalam menyanyikan lagu-lagu dalam Bahasa Melayu, English, Dusun serta Kadazan. Selain mempunyai kerjaya sebagai seorang penyanyi, beliau juga merupakan pelakon drama televisyen serta menjadi pengacara di RTM Kota Kinabalu. Rentetan daripada penularan Pandemik Covid-19, beliau tidak mendapat sebarang tawaran berlakon mahupun nyanyian. Sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di seluruh negara, beliau sempat mengikuti beberapa kursus pendek masakan di Kolej Komuniti Penampang. Dengan bantuan keluarga dan mendapat sokongan penuh dari suami, beliau mengorak langkah untuk menjalankan perniagaan kecil-kecilan dalam pembuatan kek dan pastri. Ternyata mengikuti kursus pendek telah membuka peluang untuk terus berkecimpung dalam bidang perniagaan. Bukan tidak rindu untuk beraksi di pentas atau melupakan terus pada bidang nyanyian tetapi beliau akan teruskan juga bidang nyanyian sekiranya dipanggil untuk membuat persembahan.



2.23 IKON 23/2020

Nama peserta : Puan Kee Y Kamariah
Kluster Kursus : Seni Kreatif
Bidang : Seni Kreatif

Kursus Pendek Yang Disertai :

Bil	Nama Kursus
1.	Gubahan Coklat dan Bunga <i>Bouquet</i>


Lokasi Perniagaan : Penampang, Sabah
Alamat *Facebook* : Kee Y Kamariah

Impak menyertai kursus pendek:

Sebelum ini Puan Kee Y Kamariah kurang berkeyakinan untuk menghasilkan gubahan coklat dan *Flower Bouquet*. Memandangkan minat terhadap seni kreatif, beliau telah meningkatkan pengetahuan dengan mengikuti kursus yang dianjurkan di Kolej Komuniti Penampang. Hasil pendapatan beliau perolehi adalah RM500 hingga ke RM3000 terutamanya ketika mengikuti pameran jualan konvokesyen.

Ringkasan Kejayaan Peserta:

Puan Kee Y Kamariah adalah seorang penjawat awam yang bakal bersara pada tahun 2021. Setelah menyertai kursus Gubahan Coklat dan *Flower Bouquet*, beliau kini minat untuk berniaga. Walaupun mempunyai pendapatan tetap sebagai penjawat awam, beliau juga menjalankan perniagaan sampingan dengan mengambil tempahan pada hujung minggu dan cuti umum. Memandangkan sekarang negara menghadapi Pandemik Covid -19, tempahan yang diterima kurang berbanding sebelum ini di mana tempahan untuk majlis keraian dan konvokesyen agak tinggi. Beliau bercita-cita selepas bersara pada tahun hadapan, beliau akan terus fokus menjayakan perniagaan ini dan bercadang untuk membuat pengiklanan perkhidmatan gubahan bunga dan perkhidmatan *surprise delivery*.



2.24 IKON 15/2020

Nama peserta : Encik Petrus Valentinus
Kluster Kursus : Teknologi Maklumat
Bidang : Teknologi Maklumat

Kursus Pendek Yang Disertai :

Bil	Nama Kursus
1.	Perniagaan Online


Lokasi Perniagaan : Papar, Sabah
Nama Perniagaan : House of Products
Facebook Page : hop2u

Impak menyertai kursus pendek:

Sebelum ini Encik Petrus Valentinus kurang berkeyakinan untuk memasarkan produk beliau, oleh itu perniagaan beliau selama 4 tahun tidak begitu aktif. Namun sejak beliau mengikuti kursus perniagaan online di Kolej Komuniti Penampang, beliau telah mendapat keyakinan untuk memajukan perniagaan beliau samada dalam bentuk *online* mahupun *offline*. Hasil yang diperolehi adalah antara RM500 hingga ke RM2000 sebulan.

Ringkasan Kejayaan Peserta:

Kursus pendek di Kolej Komuniti Penampang bukan hanya tertumpu dalam bidang masakan dan jahitan sahaja, malah terdapat juga kursus-kursus yang berkaitan dengan teknologi semasa seperti Kursus Perniagaan Online yang telah disertai oleh Encik Petrus Valentinus yang merupakan wartawan Akhbar Borneo Post, Sabah. Menurut beliau, beliau telah membuka perniagaan sejak 4 tahun lepas tetapi tidak aktif. Hanya setelah mengikuti kursus pendek di Kolej Komuniti Penampang berkaitan dengan perniagaan atas talian, beliau mula memahami selok belok perniagaan *online* dan *offline*. Dengan kepakaran tenaga pengajar kolej yang sememangnya berkelulusan perniagaan, beliau lebih yakin untuk aktif menjalankan perniagaan secara atas talian.



2.25 IKON 25/2020

Nama peserta : Puan Julitah binti Sabli

Kluster Kursus : Jahitan dan Pakaian

Bidang : Jahitan

Kursus Pendek Yang Disertai :

Bil	Nama Kursus
1.	Jahitan Baju Kurung Asli
2.	Jahitan Kebaya Pendek
3.	Jahitan Baju Melayu Cekak Musang
4.	Jahitan Tudung Awning
5.	Jahitan Kemeja Lengan Panjang Lelaki

Lokasi Perniagaan : Putatan, Kota Kinabalu, Sabah

Nama Perniagaan : asjue collection

Facebook Page : De Vendours Boutique & asjue collection



Alamat Facebook : Ju Sabli

Impak menyertai kursus pendek:

Setelah mengikuti kursus pendek fesyen dan jahitan, Puan Julitah binti Sabli nekad untuk menghasilkan rekaan yang bermutu tinggi setanding dengan butik-butik berjenama. Pada masa yang sama beliau telah mengeluarkan jenama ke atas pakaian yang telah dijahit sendiri.

Ringkasan Kejayaan Peserta:

Semenjak menyertai beberapa siri kursus pendek jahitan di Kolej Komuniti Penampang, Puan Julitah binti Sabli banyak ilmu dalam jahitan dan fesyen terutamanya dalam penghasilan jahitan Baju Kurung Asli. Sehingga kini lebih kurang 70 pasang tempahan baju kurung asli, baju kanak-kanak dan orang dewasa telah terjual. Alhamdulillah, kursus ini banyak membantu beliau dalam membuat pola yang lebih mudah dan senang serta dapat menjimatkan masa untuk menyiapkan sepasang baju kurung asli berbanding sebelum beliau menyertai kursus ini. Perniagaan baju beliau juga telah mendapat sambutan yang tidak kurang hebatnya dengan menggunakan jenama sendiri.





KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG

Lot 5-8, Blok B, Wisma Malakun,
Jalan Putatan-Ramayah
88200 Penampang, Sabah

Tel: 088-760 951 No.Faks: 088-760954

"Pinaraju Institusi Tvet Yang Unggul"

